

10 MAR 2002

Malaysia-Rusia

M'SIA DAN RUSIA TINGKAT KERJASAMA DALAM AEROANGKASA DAN PERTAHANAN

Oleh: Wartawan Khas Pertahanan

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Rusia minggu ini dijangka menyaksikan Malaysia menawarkan peluang pelaburan pelbagai bidang yang kemungkinan meliputi usahasama dalam aeroangkasa dan industri pertahanan kedua-dua negara.

Dr Mahathir yang akan berada di Rusia dari 14 dan 15 Mac kemungkinan akan menerokai prospek bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi antara Kuala Lumpur dan Moscow apabila menemui rakan sejawatannya dari Rusia.

Beliau juga akan melawat Jerman dan Poland sebagai sebahagian daripada lawatan selama sembilan hari ke ketiga-tiga negara berkenaan.

Kawasan-kawasan yang kerjasama ekonomi berkembang ialah Wilayah Khabarovsk yang terletak di Timur Jauh Rusia.

Kornsomolsk-on-Amur Aircraft Manufacturing Association atau lebih dikenali sebagai KnAAPO, terletak di Khabarovsk Krai.

Dr Mahathir melawat kemudahan-kemudahan KnAAPO semasa lawatannya ke Rusia pada Ogos 1999

KnAAPO ialah antara pengeluar utama pesawat di Rusia dan rantau Asia-Pasifik dengan mengeluarkan pesawat Sukhoi Su-27, Su-30, Su-33, Su-30MK dan pesawat pejuang pelbagai guna Su-35.

KnAAPO menjual 43 unit pesawat Su-27SK kepada PLAAF dari China antara 1991 dan 1995. Pada tahun berikut, kontrak ditandatangani antara kedua-dua pihak untuk memasang 200 unit Su-27s di Shenyang, China.

Pada 2000, keperluan PLAAF bagi pesawat taktikal pelbagai fungsi menghasilkan pemeteraian kontrak dengan KnAAPO bagi 40 unit Su-30MK dengan pesawat pertama dihantar pada Disember 2000.

Pada Julai tahun berikut, kontrak kedua ditandatangani bagi penghantaran 38 unit Su-30MK dengan semua pesawat dihantar menjelang tahun 2003.

Malaysia, negara pertama di Asia yang menggunakan Kompleks Industri Tentera Rusia sejak berakhirnya Perang Dingin pada awal 1990-an, kini mempunyai 17 pesawat MiG-29N dan dua helikopter memadamkan kebakaran Mi-171.

Malaysia juga berminat untuk menubuhkan Pusat Penyiapan Helikopter yang akan berfungsi sebagai kemudahan pakar yang mampu menjalankan kerja-kerja membaik puluh dan mempertingkatkan sistem avionik helikopter aam dan tenteraa buatan Rusia jenis Mil dan Kamov.

Dalam hubungan ini, TUDM sedang mengkaji tawaran bagi menubuhkan satu skuadron pesawat tempur pelbagai fungsi iaitu kira-kira 16 unit dengan Sukhoi Su-30 dan pesawat F/A-18F Super Hornet keluaran Boeing dilihat sebagai saingan utama.

KnAAPO telah membuat tawaran bagi pembangunan dan pemasaran bersama dengan Malaysia membabitkan pesawat amfibia Su-80 dan BE-103 di seluruh Asia Tenggara, Afrika dan Amerika Selatan.

Kapal terbang Su-80 merupakan pesawat pelbagai fungsi yang boleh berlepas dan mendarat di landasan yang pendek. Pesawat berkenaan terdapat dalam dua versi iaitu pesawat kargo dan penumpang dengan menggunakan enjin GE Amerika.

Permintaan bagi pesawat ini bagi tempoh 20 tahun akan datang di rantau itu yang hak pemasarannya dirundingkan oleh kepentingan Malaysia dianggarkan 800 unit.

Di Malaysia, kedua-dua versi Su-80 boleh digunakan oleh syarikat seperti Pos Laju, Penerbangan Malaysia serta syarikat swasta yang

mengadakan operasi penerbangan sewa khas untuk membawa pelancong.

Pesawat amfibia pelbagai fungsi BE-103 adaah penerbangan laluan dekat dalam pelbagai persekitaran yang tidak boleh sampai oleh kenderaan lain.

Tawaran oleh KnAAPO bagi pengeluaran dan pemasaran bersama Su-80 dan BE-103 memberi peluang baik kepada Malaysia untuk mempertingkatkan dan memperluaskan kemampuan industri aeroangkanya.

Pesawat Su-35 versi satu tempat duduk diserahkan kepada Tentera Udara Rusia pada 1996 dan pesawat Su-35UB yang mempunyai dua tempat duduk pula mula digunakan oleh Tentera Udara Rusia pada 2000.

Pesawat Su-35 dianggap oleh Asian Military Review sebagai setanding dengan rekabentuk pesawat generasi terbaru dari Amerika Syarikat dan Eropah seperti F-16, Rafale dan Eurofighter.

Kepelbagaian peningkatan sistem dan evolusinya daripada rekabentuk Su-27 membolehkan Su-35 mempunyai keupayaan super maneuverabiliti.

Selain KnAAPO, Persatuan Industri Penerbangan Irkutsk atau IAPO ialah sebuah lagi pengeluar pesawat tempur dari jenis Su-27.

Kedua-dua perbadanan bersama Sukhoi Bureau, adalah sebahagian daripada Aviation Military Industrial Complex Sukhoi.

Pada masa ini, IAPO mengeluarkan Su-30MKI yang dikeluarkan untuk Tentera Udara India secara bersama dengan India dan Rusia.

-- BERNAMA

AZZ AZZ FAZ RON